

Media: Utusan TV

Date: 19 Sep 2024

Ajinomoto lancar inisiatif 'Inovasi Masa Depan yang Lebih Lazat dan Sihat' di MAHA 2024

Ditulis oleh: Afiq Mohd. Shah - September 19, 2024



Reruai Ajinomoto di MAHA 2024

AJINOMOTO (Malaysia) Berhad (AMB) melancarkan inisiatif 'Inovasi Masa Depan yang Lebih Lazat dan Sihat' di Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2024 yang berlangsung sejak 11 September lalu.

AMB dalam kenyataan berkata, inisiatif tersebut selari dengan falsafah syarikat itu iaitu 'Eat Well, Live Well' yang bertujuan berkongsi dengan rakyat Malaysia mengenai kepelbagaian identiti di Ajinomoto.



Ruangan Aduan UtusanTV

Artikel Terbaru



KPDN, KPKM akan bekerkawal harga sayur populmenjelang Deepavali ...
October 16, 2024



ASEAN 2025: KementerSabu tumpu kepentinganketerjaminan makanan s...
October 16, 2024



Anak Najib Razak dilantiLembaga Pengarah MAT 2024
October 16, 2024



JMG jalankan siasatan terperinci, pastikan kesestruktur tanah di Taman Melawati
October 16, 2024



NCR catat pelaburan di BAKAP 2024
October 16, 2024

AMB dalam kenyataan berkata, inisiatif tersebut selari dengan falsafah syarikat itu iaitu 'Eat Well, Live Well' yang bertujuan berkongsi dengan rakyat Malaysia mengenai kepelbagaian identiti di Ajinomoto.

Menurut AMB, MAHA 2024 memberi peluang kepada syarikat itu untuk berkongsi dengan rakyat Malaysia bahawa ia bukan sekadar syarikat pengeluar penambah perisa umami iaitu Ajinomoto.

Sepanjang tahun ini, katanya, AMB telah mempelbagaikan perniagaan dengan mengekalkan fokus yang kukuh terhadap kelestarian.

"Sejak lebih satu abad lalu, Ajinomoto Co. Inc di Jepun membuat penemuan inovatif dengan mencipta penambah perisa umami Ajinomoto.

"Pada tahun 1961, AMB memulakan operasi perniagaannya di negara ini secara tidak langsung menjadi salah satu syarikat Jepun terawal ditubuhkan di Malaysia.

"AMB berfungsi sebagai penyedia penyelesaian dalam perniagaan perniagaan ke perniagaan (B2B) yang meliputi sektor industri dan perkhidmatan makanan serta komited terhadap kelestarian makanan dan alam sekitar untuk komuniti," katanya dalam kenyataan itu hari ini.

Baca artikel lain: Ajinomoto promosikan 'Smart Eating, Active Living' sempena Bulan Nutrisi Malaysia 2024

Mengulas lanjut, AMB memberitahu, sempena MAHA 2024 ini, syarikat itu memperkenalkan pendekatan inovatif terhadap penyelesaian B2B dengan mempamerkan contoh 'snek berasaskan tumbuhan'.

Katanya, keunikan penyelesaian AMB terletak pada kebolehannya meningkatkan kualiti, mengurangkan kos, mengoptimumkan sumber makanan dan menyediakan formulasi yang lebih sihat kepada pengeluar makanan.

Pada masa sama, AMB turut menampilkan Ajinomoto Gyoza untuk pengunjung di MAHA 2024 merasai sendiri kelazatan dan keunikan gyoza Jepun asli yang rangup di luar serta berjus di dalam.

AMB menjelaskan, produk itu menawarkan penyelesaian mudah untuk hidangan siap masak dan sedia untuk dimakan yang sesuai bukan sahaja untuk pengguna tetapi juga industri perkhidmatan makanan di Malaysia.

"Selain itu, semasa pameran berlangsung, peserta digalakkan untuk mengikuti dan berkongsi laman Facebook dan TikTok korporat AMB untuk menebus 'PLANT ME PENCIL' dalam masa sama menyemai inisiatif menanam makanan sendiri dan menyokong usaha kelestarian makanan bersama AMB.

"AMB komited memperluas operasi bagi menangani isu kelestarian global demi kesejahteraan semua rakyat Malaysia.

"Dengan kepakaran unik dan penyelesaian canggih kami, AMB berhasrat untuk terus menyumbang kepada masa depan yang lebih lazat sambil menjadikan bumi yang lebih sihat untuk generasi akan datang," katanya.